

05 NOV 1998

MAHATHIR-DANA/I

M'SIA AKAN PEROLEHI DANA DI S'PURA

SEPANG, 5 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan perlu memperolehi dana di Singapura untuk membiayai aktiviti ekonominya.

Bercakap pada sidang akhbar bersama selepas menemui rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong di sini, katanya Singapura telah berjanji untuk berunding mengenai bagaimana sebaik-baiknya republik itu dapat membantu dalam perkara tersebut.

"Singapura boleh membantu Malaysia dalam masa krisis ini," kata Dr Mahathir berikutan perbincangan mereka di mana kedua-dua negara bersetuju untuk memperbaiki perhubungan dua hala.

Bagaimanapun, Dr Mahathir tidak menyatakan banyak mana dana diperlukan untuk diperolehi di Singapura.

Goh berkata butiran terperinci mengenai urusan perolehan dana itu akan dibincangkan pada peringkat selanjutnya.

Beliau juga berkata Singapura telah bersetuju untuk membantu Malaysia dalam mengatasi masalah kewangannya tetapi ia terlebih dahulu perlu menentukan apakah yang diperlukan Kuala Lumpur.

Kali terakhir Dr Mahathir dan Goh berjumpa adalah pada pembukaan bersama hubungan Kedua Malaysia-Singapura April tahun ini.

Berikutan tecetusnya krisis matawang serantau lewat tahun lalu, ekonomi Malaysia telah terjejas teruk.

Untuk membiayai aktivitinya, Malaysia memutuskan untuk memperolehi dana dengan menerbitkan bon-bon di pasaran antarabangsa tetapi sebelum pegawai-pegawainya bertolak untuk menjalankan urusan perolehan dana itu, beberapa agensi penarafan antarabangsa telah menurunkan penarafan matawang Malaysia. Akibatnya urusan itu dibatalkan.

Dr Mahathir baru-baru ini mengumumkan belanjawan defisit tetapi bersifat perkembangan, yang bermakna bahawa Malaysia akan memerlukan dana tambahan untuk membiayai aktiviti-aktiviti ekonomi dan melonjakkan ekonomi.

-- BERNAMA

ES ZKS SHY OS